

Analisis Formalistik dalam Kartun Politik Zunar

Formalistic Analysis in Zunar Political Cartoons

NOORHAZALEN SAAD, HAMEDI MOHD ADNAN, AZAHAR HARUN & FAZLINA MOHD RAZDI

ABSTRAK

Kartun dan politik sering menjadi isu yang sering dimainkan oleh kartunis bagi mengkritik pemimpin dan kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan visual dalam kartun politik yang dilukis oleh kartunis politik paling prolifik di Malaysia iaitu Zunar (Zulkiflee bin S.M. Anwar Haque). Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis bagaimana visual kartun politik Zunar menyebarkan mesej dalam lukisannya. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen dan prinsip seni dalam kartun politik Zunar menggunakan teori formalistik yang diperkenalkan oleh Ocvirk. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif yang berteraskan analisis kandungan. Kajian ini memfokuskan kepada buku kartun Zunar yang paling dominan, iaitu Pirate of Carry-BN yang mengandungi 120 halaman dengan jumlah panel sebanyak 132. Dua daripada 69 panel yang mengandungi imej karikatur Perdana Menteri Malaysia keenam Dato' Sri Najib Razak dalam buku tersebut digunakan sebagai sampel kajian. Analisis formalistik menunjukkan aspek kesimbangan (balance), pergerakan (rhythm), nilai (value), ruang (space), pengulangan (repetition), tipografi, dan penekanan (emphasis) digunakan oleh Zunar dalam setiap karya kartun politiknya. Zunar menyampaikan mesej kepada pembaca dengan menggunakan visual kartun secara langsung agar pembaca faham mesej yang ingin disampaikan.

Kata kunci: Kartun politik; Zunar; formalistik; karikatur; Najib

ABSTRACT

*Political cartoons are a frequent occurrence, with cartoonists using them to criticise leaders and governments. The purpose of this study is to examine the visual approach used in Zunar's (Zulkiflee bin S.M. Anwar Haque) political cartoons, Malaysia's most prolific political cartoonist. The primary objective of this study was to examine how Zunar's visual political cartoons were used to spread his message. The purpose of this study was to examine the elements and principles of art in Zunar's political cartoon through the lens of Ocvirk's formalistic theory and concepts. The researchers used qualitative content analysis methods. This study, which focuses exclusively on the most popular Zunar cartoon book, *Pirate of Carry-BN*, contains 120 pages and 132 panels. Two of the book's 69 panels featuring caricature images of Malaysia's sixth Prime Minister (Dato' Sri Najib Razak) were chosen as a research sample. Zunar's political cartoon stints include formalistic analysis exhibits that incorporate balance, movement, rhythm, value, space, repetition, and typography. Zunar conveys his message to the reader through the use of live cartoons to assist the reader in comprehending the message he wishes to convey.*

Keywords: Political cartoons; Zunar; formalistic; caricature; Najib

PENDAHULUAN

Sejak era sebelum kemerdekaan, sekitar 1930-an, kartun telah menjadi senjata politik dan budaya yang berkesan. Kuasa pengaruh kartun seperti ejen propaganda, kritikan, wadah hiburan dan banyak lagi. Kartun editorial menggarap isu sosiopolitik semasa mula mendapat tempat dalam akhbar-akhbar tempatan seperti *Warta Jenaka*, *Utusan Zaman*, dan *Majlis* (Mulyadi 2015).

Kartunis politik di Malaysia yang prolifik ialah kartunis Zunar atau nama penuhnya Zulkiflee Al-Haq, kini (tahun 2021) berusia 56 tahun. Zunar

aktif menghasilkan kartun politik secara solo atau berkumpulan bersama Kumpulan Kartunis Independen (KKI). Zunar merupakan kartunis Malaysia yang menerima paling banyak anugerah dari luar negara, antaranya *Courage in Editorial Cartooning Award* daripada *Cartoonists Rights Network International* (2011), *Courage To Fight Censorship Award* daripada Bilbao, Sepanyol (2011), *Human Rights Watch Hellman or Hammet Award* daripada Hellman atau Hammet (2011 & 2015), *International Press Freedom Award* daripada *Committee to Protect Journalists*, New York (2015), dan *Cartooning for Peace Award* daripada Kofi


Annan (2016). Zunar juga menerima anugerah dalam negara, yang terbaru Zunar menerima *Recognition Award for continuous work in Championing Cartoon for Peace and Nation Building* daripada *The Madam Tan Hong Mui Scholarship* yang telah diadakan di Mandarin Oriental Hotel di Kuala Lumpur pada tahun 2019. Walaupun Zunar menerima banyak anugerah, namun bukunya pernah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia pada tahun 2010 sehingga 2017 kerana melanggar Akta Pencetakan dan Penerbitan 1984 di bawah Akta Hasutan.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis bagaimana visual kartun politik Zunar menyebarkan mesej dalam lukisannya. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen dan prinsip seni dalam kartun politik Zunar menggunakan teori formalistik yang diperkenalkan oleh Ocvirk. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif yang berteraskan analisis kandungan. Kajian ini memfokuskan kepada buku kartun Zunar yang paling dominan, iaitu *Pirate of Carry-BN* yang mengandungi 120 halaman dengan jumlah panel sebanyak 132. Dua daripada 69 panel yang mengandungi imej karikatur Perdana Menteri Malaysia keenam, Dato' Sri Najib Razak dalam buku tersebut digunakan sebagai sampel kajian. Buku ini adalah buku kartun yang paling dominan daripada 21 buku kartun politik yang diterbitkan secara solo oleh Zunar.

KAEDAH KAJIAN

Teori formalistik digunakan untuk mengkaji unsur-unsur seni dan reka bentuk dalam karya kartun politik Zunar. Analisis ini juga bertujuan untuk mengesankan karakter dan perwatakan setiap karya kartun. Dalam menganalisis makna kartun yang bertemakan politik di Malaysia, penelitiannya akan dikaitkan dengan sejarah seni yang merupakan suatu bidang yang mengkaji objek seni, zaman atau masa termasuklah sejarah dan kebudayaan yang mempengaruhinya. Menurut Pooke, G. & Whitman (2010), ciri-ciri formal dapat menjelaskan setiap karakter dan perwatakan.

Setiap kartun kemudiannya diklasifikasikan mengikut tema yang telah ditetapkan iaitu tema rasuah. Penilaian karya-karya kartun mestilah mempunyai kategori (Zakaria Ali 1989), kategori itu pula merujuk kepada usaha untuk membentuk nilai-nilai seni. Setiap bentuk seni perlu dilihat dari sudut unsur-unsur luarannya seperti asas struktur, bentuk, ruang, komposisi, imbangan, dan tema. Menurut Zakaria Ali lagi, walaupun bentuk merupakan satu konsep yang sukar untuk diberi pentafsiran yang memuaskan, tetapi bentuk mempunyai kekuatan untuk menunjukkan idea kesepadan dalam karya. Rujuk Rajah 1 seperti yang berikut:




RAJAH 1. Analisis formalistik berpandukan Ocvirk et al. (2001)

TEORI FORMALISTIK

Menurut Ghazali et al. (2018), analisis visual merupakan suatu kajian secara terperinci dan mendalam terhadap sesuatu gambar atau imej. Sungguhpun begitu, sebenarnya analisis visual bukan sahaja dapat mentafsir gambar semata-mata. Muliyadi (1993), menurutnya formalistik dan ikonografi kedua-duanya saling bersatu bagi membentuk sesebuah karya seni dan ianya saling menyokong. Kaitan kartun dengan formalistik ialah kartun terhasil daripada elemen-elemen formalistik. Buku *Art Fundamental* yang ditulis oleh Ocvirk et al. (2001) menyatakan secara terperinci berkenaan subjek, bentuk dan makna yang merupakan tiga komponen penting dalam menganalisis karya seni. Komponen bentuk dijelaskan oleh Ocvirk (2001) melalui rangka struktur yang mengandungi elemen dan prinsip seni itu sendiri. Begitu juga dengan lukisan gaya kartun yang merupakan sejarah awal penciptaan seni kerana prinsip asas kartun bermula daripada garisan yang ringkas sehingga membentuk imej.

Formalisme sebenarnya merupakan pendekatan, membuat, melihat dan mentafsirkan sebuah seni. Formalisme memberi tumpuan kepada bentuk, warna, tekstur, garis, ruang serta elemen reka bentuk karya seni seperti keseimbangan, perpaduan, harmoni, kontras, ketegangan, pergerakan dan komposisi. Kajian dan analisis telah dijalankan melalui unsur-unsur formal yang terdiri daripada elemen dan prinsip seni. Nilai estetik boleh dinilai dan berdiri sendiri mengikut teori formalistik dari segi unsur-unsur luaran iaitu secara formal dan bukan isi kandungan. Kepelbagaiannya imej, gaya dan teks serta unsur luaran yang difikirkan juga akan dianalisis dalam kartun politik Zunar. Analisis asas sesebuah karya seni itu sesuai menggunakan teori formalistik kerana teori ini lebih menekankan bentuk berbanding isi (Tjetjep 2011). Analisis secara formalistik boleh menjawab kaedah-kaedah asas yang berkaitan dengan cara pelukis iaitu Zunar menghasilkan karya kartun yang bertemakan politik di Malaysia.



RAJAH 2. Struktur seni visual
Sumber: Art Fundamentals, Ocvirk (2009)

Rajah 2 menunjukkan struktur seni visual terdiri daripada asas seni lukis dan seni reka yang bertindak sebagai nuan bahasa seni visual bagi mengkaji bentuk-bentuk seni yang membawa kepada ikonik atau makna yang simbolik. Rajah 2 menunjukkan elemen rekaan yang terdiri daripada asas elemen rekaan seni dalam teori formalistik iaitu garisan (*line*), jalinan (*texture*), nilai (*value*), ruang (*space*), bentuk (*shape*), dan warna (*color*). Menurut Pooke, G. & Whitman, G. (2010), karya seni adalah merupakan produk seni yang dihasilkan oleh pelukis. Karya seni berupaya mencetuskan tindak balas pemerhati dan mampu menyediakan reaksi emosi dan estetika pemerhati. Pemerhati bertindak balas kepada karya seni berdasarkan subjek (idea) bentuk (*materialized form*) dan makna (*content*) yang disampaikan.

ANALISIS FORMALISTIK

Bagi menganalisis karya kartun Zunar, penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah pemerhatian. Teknik pemerhatian telah dijalankan secara berstruktur dan bersistematis ke atas sampel kajian. Analisis ini juga bertujuan untuk mengesangkan karakter dan perwatakan setiap karya kartun. Ciri-ciri formal tersebut dapat menjelaskan setiap karakter dan perwatakan dalam visual kartun.


Setiap kartun yang dihasilkan adalah dilukis mengikut personaliti dan karakter luar pemimpin. Langkah yang seterusnya adalah proses analisis kartun. Setiap gambar kemudian diklasifikasi mengikut tema yang telah ditetapkan iaitu tema rasuah. Penelitian ke atas hasil karya kartun Zunar perlu dilakukan bagi mengaitkan makna tersembunyi. Menurut Panosofsky (1955), gambar

perlu dikaji terlebih dahulu jika mahu memahami maknanya.

Analisis formalistik yang digunakan penyelidik adalah dengan memberi fokus kepada teori formalistik yang dibangunkan oleh Ocvirk (2001) akan dikupaskan menggunakan kaedah Evolusi Bentuk (*Evolution of Form*). Ocvirk menggunakan lima prinsip organisasi dalam bentuk iaitu (1) garisan (*line*), (2) bentuk (*shape*), (3) nilai terang gelap (*value*), (4) tekstur (*texture*), dan (5) warna (*colour*) untuk menganalisis keharmonian (*harmony*) dan kepelbagaiannya (*variety*). Ocvirk menitik beratkan prinsip (1) keseimbangan (*balance*), (2) perkadarannya (*proportion*), (3) dominasi (*dominance*), (4) pergerakan (*movement*), dan (5) ekonomi (*economy*). Penyelidik merujuk Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia ke-6 sebagai "Najib" di sepanjang bab ini untuk memudahkan perjalanannya penyelidikan.

BUKU KARTUN PIRATES OF CARRY-BN

"*Pirate of Carry-BN*" adalah buku kartun solo yang kelapan karya Zunar, dicetak dan diterbitkan oleh Ranuza Enterprise di Jalan Metro Pudu, Kuala Lumpur pada November 2013. Kandungan buku ini adalah koleksi kartun daripada beberapa laman sesawang termasuk *Malaysiakini* dan *Bruno Manser Fund* (BMF). Kebanyakan idea dalamnya adalah mengenai peristiwa selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU 13). Buku ini mengandungi 120 halaman yang merupakan antara buku kartun solo Zunar yang paling tebal dan dipamerkan serta menjadi koleksi di *Washington Library*. Buku ini memaparkan 132 panel kartun dan terdapat 69 daripada keseluruhan panel tersebut menggambarkan imej karikatur Najib dilukis dengan pelbagai gaya karakter.



RAJAH 3. Kulit buku kartun *Pirates of Carry-BN*
Sumber: *Pirate of Carry-BN*, Zunar (2013)

Buku ini mengandungi banyak isu berkaitan Najib, rasuah, konspirasi, kroni, menteri kabinet dalam kerajaan, kapal selam Scorpene, pembunuhan model Altantuya Shaariibuu dan kehidupan mewah Datin Sri Rosmah Mansor.

Penyelidikan analisis yang digunakan untuk mengkaji elemen dalam komponen reka bentuk lukisan kartun Zunar melalui pendekatan formalistik. Pendekatan ini dipilih kerana ia menekankan pendekatan visual secara luaran untuk mengupas olahan gambar yang dilukis dalam kartun Zunar. Elemen rekaan formalistik terdiri daripada garisan (*line*), bentuk (*form*), ruang (*space*), warna (*color*), nilai (*value*) dan jalinan (*texture*). Penyelidik mengambil kesemua elemen ini kerana ia berkaitan dengan asas utama dalam olahan imej kartun Zunar yang melibatkanimbangan (*balance*), harmoni (*harmony*), kepelbagaian (*variation*), kesatuan (*unity*), irama (*rhythm*), kontra (*contrast*),

serta penegasan (*emphasis*). Pendekatan ini telah diperkenalkan oleh Roger Fry dan Clive Bell pada tahun 1914 (Tate 2019).

PENDEKATAN FORMALISTIK DALAM KARYA KARTUN ZUNAR PANEL 1

Rajah 4 merupakan panel satu yang dipilih oleh penyelidik dalam penyelidikan ini. Panel 1 pada muka surat 13 dalam buku *Pirates of the Carry-BN* ini menceritakan tentang karikatur seorang lelaki yang mirip Najib sedang memikul dacing yang berisi enam buah guni. Karikatur tersebut memakai baju belang berwarna merah dan hitam. Terpapar lambang “\$” pada setiap guni yang diisi ke dalam dacing yang dipikul karikatur dan tulisan berwarna merah, dengan menggunakan huruf besar (*uppercase*) “UNDI BN = SUPPORT CORRUPTION”.



RAJAH 4. Kartun politik Zunar panel satu
Sumber: *Pirate of Carry-BN*, Zunar (2013)

Penyelidik memilih panel ini untuk memperlihatkan elemen lukisan dan dinamik (*gesture*) yang terkandung dalam gaya lukisan Zunar. Panel satu menunjukkan perlakuan karikatur yang sedang mengangkat dacing yang berisi guni.

Mesej yang hendak disampaikan oleh Zunar adalah dilakarkan di bahagian tipografi yang ditulis dengan menggunakan huruf besar (*uppercase*) dan diwarnakan dengan warna merah supaya ia jelas, terang dan tegas.

JADUAL 1. Analisis formalistik kartun politik Zunar Panel satu

| Aspek Formalistik | Penerangan |
|-------------------------------------|--|
| Keimbangan (<i>balance</i>) | Imbangan simetri. |
| Pergerakan (<i>Rhythm</i>) | Pergerakan kaki karikatur. |
| Nilai terang gelap (<i>value</i>) | Warna terang pada guni wang. Warna gelap pada baju karikatur. Warna gelap pada dacing. |
| Ruang (<i>space</i>) | Ruang positif - lukisan karikatur dan dacing. Ruang negatif - dibiarkan kosong (berwarna putih) |

bersambung ...


... sambungan

| | |
|-----------------------------------|--|
| Pengulangan (<i>repetition</i>) | Pengulangan untuk menampakkan bilangan dacing dalam lukisan. |
| Tipografi | Di tengah-tengah (<i>centered</i>) Huruf besar (<i>uppercase</i>) Warna Merah. |
| Penekanan (<i>emphasis</i>) | Elemen karikatur (satu watak yang dominan) |

Jadual 1 menunjukkan penerangan aspek formalistik yang diberi penekanan. Penyelidik mendapati bahawa keseimbangan dalam panel satu ialahimbangan simetri apabila kiri dan kanan lukisan mempunyai elemen yang sama. Dacing yang dipenuhi dengan guni-guni adalah seimbang di kiri dan kanan panel. Keseimbangan ini dilukis dengan memberikan jarak untuk karikatur diletakkan di tengah-tengah lukisan. Pergerakan yang ditunjukkan dalam lukisan panel satu dilihat pada kaki karikatur yang dilukis terangkat sebelah kaki tinggi dan sebelah kaki rendah. Pergerakan seperti melompat ini memberi impak dinamik kepada lukisan panel satu.

Seterusnya, penyelidik melihat aspek nilai terang gelap dengan penggunaan warna merah dan hitam pada baju karikatur dan warna terang pada guni wang. Warna merah dan hitam yang diwarnakan secara berselang-seli menampakkan perbezaan corak pada baju tersebut. Warna terang yang digunakan pada guni-guni yang dilonggokkan. Warna gelap digunakan untuk melukis dacing, manakala aspek ruang pula dilihat dengan lukisan karikatur dan dacing sebagai ruang positif dan latar belakang yang putih adalah ruang negatif.

Pengulangan dilihat pada bilangan dacing yang menunjukkan lebih daripada satu. Bilangan dacing dilukiskan seimbang dengan kedua-duanya mendatar dan selari. Penekanan yang dilihat pada panel satu adalah pada karikatur yang dilukis di tengah-tengah panel. Karikatur yang dilukis dengan pergerakan dan raut wajah yang tersenyum menampakkan emosinya. Penyelidik mendapati bahawa karikatur yang dilukis ini seiring dengan tipografi yang ditulis di bahagian bawah panel. Tipografi yang dilukis di bahagian bawah dan di letakkan di tengah dalam panel ini menunjukkan makna kepada lukisan karikatur dan dacing dalam lukisan. Tulisan yang ditulis dengan menggunakan huruf besar memberi penekanan kepada cerita terhadap lukisan dan warna merah yang digunakan pada tipografi ini adalah untuk menyerlahkan tulisan supaya ia dibaca dengan jelas dan tegas sebagai tanda amaran. Keseluruhan lukisan panel satu dilihat menggunakanimbangan dan ruang yang sama rata. Tujuh elemen seni yang digunakan untuk melukis panel 1 adalah keseimbangan (*balance*), pergerakan (*rhythm*), nilai terang gelap (*value*), ruang (*space*), pengulangan (*repetition*), tipografi (*typography*), dan penekanan (*emphasis*).



RAJAH 5. Kupasan elemen reka bentuk dalam lukisan kartun Zunar panel satu

Rajah 5 menunjukkan kupasan elemen yang ada pada Rajah 4. Penyelidik membuat penekanan kepada setiap subjek dan objek yang terdapat dalam

lakaran lukisan panel satu dengan mengeluarkan setiap item untuk diuraikan dalam Jadual 2 seperti yang berikut:

JADUAL 2. Subjek dan elemen bentuk visual dalam lukisan kartun Zunar panel satu

| No | Subjek | Bentuk visual | Huraian |
|----|-----------------|---------------|---|
| 1. | Muka karikatur | | Garisan kontur (<i>contour line</i>) digunakan dalam lukisan muka karikatur untuk menunjukkan ekspresi muka karikatur. Mulut karikatur dilukis tersenyum sambil lidah terjelir menunjukkan ekspresi gembira dan berpuas hati. |
| 2. | Badan karikatur | | Lukisan dinamik (<i>gesture drawing</i>) digunakan Zunar untuk melukis bahagian badan karikatur Najib. Badan dilukiskan melengkung memberi dinamik (<i>gesture</i>) membongkok. Kaki karikatur dilukis tinggi rendah menunjukkan pergerakan kaki. |
| 3. | Dacing | | Bentuk dacing dilukis menyerupai dacing sebenar. Bentuk geometri digabungkan untuk membentuk dacing. Bentuk dacing dilukis sebanyak dua (2) kali menunjukkan bilangan dacing. Bentuk yang seimbang dan simetri. |
| 4. | Guni | | Bentuk geometri bulat digunakan Zunar untuk membentuk guni. Bentuk bulat menggambarkan guni yang diisi dengan penuh. Longgokan guni dilukis untuk menunjukkan bilangan guni yang banyak. |
| 5. | Tipografi | | Tipografi tulisan yang membentuk perkataan UNDI BN = SUPPORT CORRUPTION ditulis dengan menggunakan huruf besar (uppercase) dan ditulis dengan warna merah. |

Jadual 2 di atas menunjukkan imej-imej pada lukisan kartun Zunar panel satu yang telah diceraikan mengikut subjek dan elemen reka bentuk. Subjek muka karikatur dilakar dengan garisan yang melengkung. Titik bulat dan garisan melengkung dilukis membentuk mata. Garisan yang dilukis bulat menggambarkan pipi yang tampak bulat dan luas. Lukisan bibir yang dilukis secara melengkung bentuk "U"; menunjukkan bibir yang tersenyum. Manakala elemen lukisan dinamik (*gesture drawing*) pada badan karikatur

dilukis melengkung untuk menunjukkan badan yang bongkok. Pakaian karikatur dilukis bercorak jalur melintang dan diwarnakan dengan warna merah dan hitam berselang seli. Manakala kaki karikatur dilukis sebelah kaki lebih tinggi untuk menunjukkan pergerakan kaki yang melompat atau berlari. Lukisan dinamik (*gesture drawing*) dilukis untuk menunjukkan perbuatan dan pergerakan karikatur.

Bentuk geometri yang dilukis untuk menyerupai dacing sebenar dan dilukis berulang sebanyak dua kali. Dacing yang dilukis adalah seimbang,


simetri, dan sama berat. Dacing diwarnakan dengan warna gelap memperlihatkan keberatan guni yang diletakkan di atasnya. Lukisan dacing diletakkan di kiri dan kanan karikatur Najib menunjukkan karikatur memikul dacing di bahu, selari dengan lukisan dinamik (*gesture*) pada badan karikatur yang membongkok. Bentuk geometri bulat yang dilukis untuk menggambarkan guni. Terdapat bentuk seperti lebihan kain diikat dilihat pada bahagian atas bulatan menunjukkan guni yang diikat kemas. Lukisan guni dilukis secara bulatan menunjukkan guni yang penuh. Bilangan guni yang dilukis adalah sama rata antara kiri dan kanan menunjukkan keseimbangan bilangannya. Guni diletakkan di atas dacing, sama banyak dan sama rata.

Tipografi dalam panel satu dilihat pada bahagian bawah karikatur. Kapsyen yang ditulis bertujuan untuk memberi penjelasan kepada lukisan karikatur dan perbuatannya. Garisan lurus yang digunakan untuk membina tulisan melakarkan perkataan yang menggunakan huruf besar (*uppercase*) dan menggunakan warna merah. Penyelidik melihat tindakan ini dilakukan untuk menyampaikan mesej dengan tegas.

Keseluruhannya, penyelidik melihat panel satu menggunakan elemen garisan kontur (*contour lines*) untuk melukis dengan bebas dan menggunakan bentuk geometri asas kepada objek dan badan karikatur dalam panel satu. Kesemua elemen formalistik dalam seni ini digunakan secara berkaitan antara satu sama lain untuk menyampaikan mesej kepada pemerhati terhadap karikatur Najib dan perbuatannya.

PENDEKATAN FORMALISTIK DALAM KARYA KARTUN ZUNAR PANEL 2

Pendekatan formalistik ke atas imej kartun pada panel muka surat 103 ini dipilih oleh penyelidik untuk meneliti imej karikatur yang sedang memegang sebuah trofi. Piala yang besar dijulang karikatur berlabel Najib sebagai tanda kemenangan. Namun, Zunar menyindir kemenangan dengan melabelkan piala sebagai *MALAYSIA is WORLD CHAMPION IN CORRUPTION- WASHINGTON POST* dipetik daripada akhbar di Amerika Syarikat.



RAJAH 6. Kartun politik Zunar panel dua
Sumber: Pirate of Carry-BN, Zunar (2013)

Rajah 6 menunjukkan karikatur yang menjunjung piala. Pendekatan formalistik dilakukan oleh penyelidik dengan memilih panel dua. Panel ini menunjukkan kemenangan karikatur tersebut dalam

menjalankan kegiatan rasuah. Penyelidik memilih lakaran panel dua untuk menyelidik elemen lukisan karikatur dan objek yang dilukis Zunar berkaitan rasuah.

| Aspek formalistik | Penerangan |
|----------------------------------|--|
| Perkadaran (<i>proportion</i>) | <i>Golden Mean</i> merupakan perkadaruan yang memberi penekanan kepada saiz subjek manusia dengan objek piala. |
| Pergerakan (<i>rhythm</i>) | Pergerakan lukisan dinamik (<i>gesture</i>) menjulang tangan dengan piala yang diangkat. |
| | Pergerakan lukisan dinamik (<i>gesture</i>) pada muka yang tersenyum sehingga menampakkan gigi. |

bersambung ...

... sambungan

| | |
|-------------------------------------|---|
| Nilai terang gelap (<i>value</i>) | Nilai gelap pakaian karikatur NAJIB. Nilai terang pada piala yang dijulang. Nilai terang pada label nama NAJIB. |
| Ruang (<i>space</i>) | Ruang positif - lukisan karikatur NAJIB, karikatur menjulang piala Ruang negatif - dibiar kosong (berwarna putih) |
| Tipografi | Tipografi berdialog dilukis menunjukkan percakapan karikatur. Tipografi label diletakkan pada piala yang dijulang karikatur. Tipografi NAJIB dilukis pada baju karikatur. |
| Penekanan (<i>emphasis</i>) | Elemen karikatur yang sedang menjulang piala tanda kemenangan dalam menjalankan kegiatan rasuahnya. |


Jadual di atas menerangkan tentang aspek formalistik yang dikaji penyelidik melalui imej panel dua yang dipilih. Penyelidik mendapati Zunar menggunakan prinsip perkadaran (*proportion*) dalam melakarkan karikatur dan objek dalam panel dua. Perkadaran *golden mean* digunakan untuk menampakkan semua imej diletakkan di tengah-tengah panel dengan ketinggian piala yang dijulang kelihatan terserlah. Walaupun lukisan karikatur dilukis adalah bersaiz kecil berbanding piala, namun lukisan nampak seimbang.

Pergerakan (*rhythm*) dalam panel dua dapat dilihat daripada pergerakan tangan karikatur yang sedang menjulang piala. Kedua-dua tangan karikatur dilukis di dasar piala dan terangkat sedikit ke atas menunjukkan perbuatan mengangkat dan menjulang. Selain itu, pergerakan sedang tertawa kecil juga dapat dilihat pada muka karikatur yang sedang tersenyum hingga menampakkan gigi. Nilai (*value*) terang digunakan pada lukisan piala untuk menampakkan kepentingan objek yang dijulang. Nilai terang diletakkan pada permukaan atas piala menandakan pentahayaan berlaku pada bahagian tersebut akibat daripada dijulang. Nilai (*value*) gelap pula dapat dilihat daripada pakaian karikatur. Pakaian diwarnakan warna gelap kerana pangkat dan statusnya dalam kerajaan negara pada masa itu.

Tipografi dalam kartun panel dua boleh dilihat diletakkan di setiap subjek dan objek. Dua tulisan dilukis pada piala untuk memberitahu pembaca tentang apa yang dimenangi karikatur dan tulisan “NUMBER” menunjukkan label untuk kedudukan piala yang dimenangi. Penyelidik juga melihat tipografi yang dilukis pada pakaian karikatur untuk menjelaskan tentang siapa karikatur yang dilukis. Selain itu, tulisan berdialog dilukis dalam bulatan dialog digunakan untuk memberi makna kepada pergerakan mulut dan tangan karikatur. Imej logo “1Malaysia” dapat dilihat ditampalkan pada piala.

Penekanan yang dilakukan oleh Zunar terhadap imej panel dua terlihat pada perbuatan karikatur yang gembira dan sedang menjulang piala. Penekanan juga boleh dilihat pada piala yang ditampal dengan logo 1Malaysia dan dilabelkan dengan label yang berbunyi *MALAYSIA is WORLD CHAMPION IN CORRUPTION – WASHINGTON POST*. Zunar ingin menunjukkan kemenangan terhadap kegiatan rasuah yang dilakukan karikatur sehingga mendapat piala yang besar.

Enam elemen seni yang digunakan untuk melukis panel dua adalah perkadaran (*proportion*), pergerakan (*rhythm*), nilai terang gelap (*value*), ruang (*space*), tipografi (*typography*), dan penekanan (*emphasis*).



RAJAH 7. Kupasan elemen reka bentuk dalam lukisan

Rajah 7 menunjukkan kupasan elemen yang ada pada rajah 6. Penyelidik membuat penekanan kepada setiap subjek dan objek yang terdapat dalam

lakaran lukisan panel dua dengan mengeluarkan setiap item untuk dihuraikan dalam Jadual 4 seperti yang berikut:


JADUAL 4. Subjek dan elemen bentuk visual dalam lukisan kartun Zunar panel dua

| No | Subjek | Bentuk visual | Huraian |
|----|-----------------|---|--|
| 1. | Muka karikatur |  | Garisan kontur digunakan untuk melukis muka karikatur. Muka karikatur tersenyum sambil menampakkan gigi. Mata karikatur dilukis kecil dan memandang ke hadapan kanan dengan pandangan berlagak. Hidung karikatur dilukis dengan besar dan luas. |
| 2. | Badan karikatur |  | Garisan kontur melengkung digunakan untuk melukis badan karikatur secara terperinci. Lukisan dinamik digunakan untuk menampakkan perbuatan menjulang. |
| 3. | Piala |  | Bentuk geometri bebas digunakan untuk melukis piala. Saiz lukisan piala kelihatan besar kerana ia merupakan objek yang diberi penekanan dalam lukisan. |
| 4. | Logo 1 Malaysia |  | Logo 1Malaysia yang digunakan untuk penjenamaan kerajaan pada zaman pemerintahan Najib dilukis pada piala. Logo 1Malaysia dilukis menggunakan nombor 1 dan lukisan bendera Malaysia dilakarkan di dalam nombor tersebut dengan perkataan Malaysia ditulis di bahagian bawah. |
| 5. | Tipografi |  | Tipografi yang digunakan untuk melabelkan piala adalah menggunakan huruf besar (<i>uppercase</i>) dan berwarna hitam. Tipografi untuk dialog PENCAPAIAN DIUTAMAKAN dilihat dilukis di sebelah karikatur menggunakan huruf besar (<i>uppercase</i>) dan diwarnakan hitam. |
| | | | Tipografi untuk melabelkan karikatur dilukis pada lengan pakaian karikatur dengan menggunakan warna putih dituliskan di atas lapisan warna gelap pakaian karikatur. Perkataan <i>NUMBER</i> dilukis di dalam sepanduk penanda pada piala. |

bersambung ...

... sambungan

6. Label dan
Speech bubbles



Speech bubbles digunakan untuk menulis dialog percakapan karikatur.

Di dalam *speech bubble*, terdapat tulisan slogan kata Najib iaitu PENCAPAIAN DIUTAMAKAN.

Bentuk geometri segi empat sama digunakan sebagai label untuk menandakan tajuk atau nama piala yang dimenangi karikatur.

Berdasarkan Jadual 4, penyelidik menghuraikan tentang aspek garisan dan bentuk dalam lukisan kartun Zunar panel dua. Muka karikatur dilukis dengan menggunakan garisan kontur (*contour lines*). Mulut karikatur dilukis tersenyum sambil menampakkan gigi. Pergerakan pada mulut karikatur dilihat dengan adanya *speech bubble* yang dilukis bersebelahan dengan muka karikatur. Penyelidik melihat penggunaan garisan mendatar dan melengkung ke bawah untuk lukisan mata karikatur. Hidung karikatur dilukis dengan menggunakan bentuk geometri bulat dan kelihatan besar dan luas.

Badan karikatur dilukis dengan menampakkan dinamik (*gesture*) sedang mengangkat piala. Kedua-dua tangan karikatur dilihat terangkat ke atas menandakan tangan sedang menjulang tinggi. Perbuatan ini menampakkan kegembiraan karikatur yang mendapat piala. Di lengan baju karikatur kelihatan tipografi yang ditulis bertujuan untuk melabelkan nama karikatur agar pembaca tidak keliru. Objek piala yang dijulang oleh karikatur dilukis menggunakan geometri bebas. Piala dihiasi dengan logo 1Malaysia serta sepanduk (*banner*) sebagai penanda kemenangan. Logo 1Malaysia yang dilukis pada piala ditiru daripada logo penjenamaan kerajaan semasa pemerintahan Najib dahulu. Penyelidik meneliti aspek saiz piala yang dilukis lebih besar daripada karikatur bertujuan untuk menonjolkan objek tersebut.

Tipografi dalam panel dua diberi penekanan kepada *speech bubble* yang ditulis dengan perkataan PENCAPAIAN DIUTAMAKAN. Perkataan tersebut merupakan slogan kepimpinan Najib masa pemerintahannya dahulu (2009-2018). Pembaca

boleh mengenal pasti watak figura melalui penulisan nama NAJIB pada lengan baju karikatur. Di atas sepanduk (*banner*) kelihatan perkataan NUMBER dan logo 1Malaysia diletakkan di sebelahnya. Manakala penanda kemenangan ditulis dengan slogan *MALAYSIA is WORLD CHAMPION IN CORRUPTION – WASHINGTON POST*. Penanda ini menunjukkan kategori kemenangan yang diraih oleh karikatur tersebut, ayat tersebut dipetik daripada (Washington Post 2012).

Keseluruhannya, penyelidik melihat panel dua menggunakan elemen garisan kontur (*contour lines*) untuk melukis dengan bebas dan menggunakan bentuk asas geometri dan organik kepada objek dan badan karikatur. Analisis formal ini dapat mendedahkan keputusan komposisi yang akan membantu memperkuatkan isi kandungan sesebuah karya, makna, niat pelukis serta memberikan petunjuk dalam konteks sejarah.

KESIMPULAN DAN CADAGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis visual kartun politik Zunar secara formalistik, ia menunjukkan bahawa Zunar bijak menggunakan elemen dan prinsip seni dalam karyanya tanpa perlu lakaran latar belakang. Analisis formalistik menunjukkan aspek keseimbangan (*balance*), pergerakan (*rhythm*), nilai (*value*), ruang (*space*), pengulangan (*repetition*), tipografi, dan penekanan (*emphasis*) digunakan oleh Zunar dalam setiap karya kartun politiknya. Zunar menyampaikan mesej kepada pembaca dengan menggunakan visual kartun secara langsung (*directly*) agar pembaca faham mesej yang ingin disampaikan berkaitan

dengan isu politik di Malaysia. Ciri-ciri kartun politik Zunar yang dikaji merangkumi visual yang nyata iaitu imej karikatur tokoh Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 (Najib Razak). Semua peristiwa yang dilukis dalam panel ditulis dengan jelas, penggunaan simbol wang yang banyak hampir setiap panel. Setiap karikatur dalam kartun politik Zunar dilabel agar memudahkan pembaca dan supaya mereka tidak keliru watak yang dimainkan dalam panel tersebut, penggunaan tipografi yang jelas, tulisan besar dan berwarna merah serta hitam, penekanan ke atas bahasa dan bunyi yang berulang dan bernada serta berwarna.

Penggunaan bahasa Inggeris dan dwi bahasa dalam kartun Zunar menarik golongan pembaca elit dan golongan antarabangsa untuk membaca, memahami, dan membeli buku kartunnya. Karya Zunar ini secara tidak langsung mampu memberi kesedaran politik kepada rakyat Malaysia terutama generasi muda. Zunar dilihat sebagai seorang yang nasionalis kerana memperjuangkan ketidakadilan terhadap rakyat dan menyedarkan pemimpin dan masyarakat melalui kartun. Namun, sebagai pelukis yang bertanggungjawab atas setiap karya yang

dihasilkan, Zunar perlu mendapat sesuatu informasi dan berita daripada sumber yang tepat dan sahih sebelum berkarya agar tidak timbul isu fitnah dan ketidakpuasan hati kepada sesetengah pihak yang dikarikaturkan.

RUJUKAN

- Ghazali, N., Yahya, M.A.H., Ahmad, A.A.H. & Zainon, F. 2018. Perpaduan: Analisis semiotik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 3(11): 30-41.
- Mulyadi Mahmood. 2015. *Kartun dan Kartunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
- Mulyadi Mahmood. 1993. *Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ocvirk, O.G., Stinson, R.E., Wigg, P.R., Bone, R.O. & Clayton, D.L. 2009. *Art Fundamentals Theory and Practice* (11th ed.). Boston: McGraw-Hill Higher Education.
- Ocvirk, O.G. 2001. *Art Fundamentals: Theory and Practice*. Boston: McGraw Hill.
- Tate. *FORMALISM*. <https://www.tate.org.uk/art/art-terms/f/formalism>. (accessed 30 Nivember 2019).
- Tjetjep Rohendi Rohidi. 2011. *Metodologi Penelitian Seni*. Semarang: Citra Prima Nusantara.
- Panofsky, E. & Panofsky, G.S. 1955. *Studies in Iconology*. Colorado: Westview Press.
- Pooke, G. & Whitman, G. 2010. *Understand Art History*. London: Hodder Headline.
- Zakaria, A. 1989. *Seni dan Seniman: Esei-Esei Seni Halus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zulkiflee Anwar Haque-Zunar. 2013. *Pirates of Carry-BN*. Kuala Lumpur: Ranuza Enterprise Sdn. Bhd.

Noorhazalen Saad
Fakulti Sastera & Sains Sosial
Universiti Malaya
Jalan Profesor Diraja Engku Aziz
50603
Kuala Lumpur
E-mel: phdcartoons@gmail.com

Hamedи Mohd Adnan
Fakulti Sastera & Sains Sosial
Universiti Malaya
Jalan Profesor Diraja Engku Aziz
50603
Kuala Lumpur
E-mel: hamedi@um.edu.my

Azahar Harun
Kolej Seni Kreatif
Universiti Teknologi MARA
Alor Gajah
78000
Melaka
E-mel: azaharh@gmail.com

Fazlina Mohd Razdi
Kolej Seni Kreatif
Universiti Teknologi MARA
Alor Gajah
78000
Melaka
E-mel: fazlinaradzi@uitm.edu.my